

Clinics 3A
TTSH Medical Centre, Level 3
Contact:
6357 7000 (Central Hotline)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit
<https://for.sg/ttsh-health-library>

Was this information helpful?
Please feel free to email us if you have any feedback regarding what you have just read at
patienteducation@ttsh.com.sg



© Tan Tock Seng Hospital, Singapore 2024. All rights reserved. All information correct as of August 2024. No part of this document may be reproduced, copied, reverse compiled, adapted, distributed, commercially exploited, displayed or stored in a database, retrieval system or transmitted in any form without prior permission of Tan Tock Seng Hospital. All information and material found in this document are for purposes of information only and are not meant to substitute any advice provided by your own physician or other medical professionals.

**Department of
NURSING**

Nasihat Penjagaan Diri Selepas Pemasangan Alat Peranti Elektronik Jantung (CIED)




Brosur ini bertujuan untuk memberikan nasihat penjagaan diri kepada pesakit yang telah menjalani pemasangan CIED.

Jenis CIED termasuk:

- Perentak Jantung Kekal (PPM)
- Defibrilator Kardioverter Implan Automatik (AICD)
- Peranti Terapi Penyegerakan Semula Jantung (CRT)

Bagaimana Anda Harus Menjaga Luka Anda?

- Pastikan balutan luka anda kering
- Elakkan menyapu bedak atau krim pada balutan luka anda
- Jangan keluarkan balutan luka
- Elakkan tekanan pada luka anda
- Jangan menggaru luka anda
- Perhatikan tanda-tanda seperti demam, kemerahan, pendarahan, sakit, bengkak, atau nanah kuning pada tapak luka anda. Ini adalah gejala jangkitan kuman
- Jika balutan luka anda tertanggal, sila hubungi klinik



Penjagaan Diri Di Rumah Selepas Implantasi

- Elakkan mengangkat lengan yang terjejas melebihi paras bahu dalam minggu pertama selepas implantasi
- Elakkan baring pada kawasan yang terjejas semasa berehat
- Pilih pakaian yang longgar atau baju berbutang depan supaya mudah dipakai
- Elakkan melakukan aktiviti lasak seperti berbasikal, jogging dan angkat berat (lebih dari 5kg) untuk minggu pertama selepas implantasi
- Berhati-hati semasa mandi. Elakkan berendam dalam air atau mandi sehingga luka sembuh sepenuhnya.
- Jangan berenang
- Elakkan memandu apabila anda berasa tidak sihat

- Elakkan menggunakan telefon bimbit berhampiran implan anda (jauhkan sekurang-kurangnya 15 cm)
- Gerakkan lengan anda yang terjejas selepas seminggu untuk mengelakkan bahu beku
- Anda boleh meneruskan aktiviti harian dengan kadar yang boleh ditanggung selepas pemeriksaan luka anda di klinik

Bagaimana Anda Harus Mengambil Ubat Anda Selepas Keluar Dari Hospital?

- Lengkapkan kursus ubat antibiotik anda yang ditetapkan semasa discaj
- Ambil ubat penahan sakit anda jika diperlukan.



Apakah yang Perlu Anda Lakukan Dengan Kad Pengenalan Implan Anda?

- Bawa kad pengenalan implan sementara anda setiap masa
- Dalam tempoh dua bulan, anda akan menerima kad kekal daripada syarikat peranti



Temu Janji Dockor

- Pastikan anda hadir untuk pemeriksaan pada tarikh yang telah ditetapkan untuk anda.



Pergi ke Jabatan Kecemasan jika anda mengalami tanda dan gejala berikut:

- Demam, menggil
- Sakit atau pendarahan yang berlebihan pada tapak luka anda
- Tanda-tanda keradangan termasuk kemerahan, bengkak, dan nanah berwarna kuning di luka
- Mengalami kejutan daripada peranti anda (Hanya untuk pemasangan AICD)

